

22/04/2003

Samy Vellu, Chang ambil alih tugas

SUNGAI SIPUT: Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu yang juga Ahli Parlimen Sungai Siput dan Pengerusi Jawatankuasa Perbandaran dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Chang Ko Youn, akan membantu menjaga kepentingan rakyat Dewan Undangan Negeri Lintang, berikutan kematian Adunnya, Datuk Mohamad Padil Harun.

Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata Timbalan Ketua Umno bahagian Sungai Siput, Datuk Zazlan Mohd Jemin, pula akan melaksanakan tugas parti membabitkan bahagian itu berikutan ketiadaan Mohamad Padil.

"Tiada masalah (untuk menjaga rakyat) kerana kawasan ini ada menteri dan exco negeri. Jadi kita minta kepada Samy Vellu dan Chang memberi lebih tumpuan kepada kawasan ini.

"Saya juga berharap kepimpinan Umno dan BN Sungai Siput memberi tumpuan khusus kepada kawasan Lintang.

"Kawasan ini juga dekat dengan Ipoh, jadi saya sendiri akan minta pegawai saya datang lebih kerap memerhatikan keadaan di kawasan ini," katanya pemberita selepas menghadiri pengebumian jenazah Allahyarham Mohamad Padil di Tanah Perkuburan Islam Kampung Sungai Durian, Lintang, dekat sini, semalam.

Mohamad Padil yang juga Ketua Umno bahagian Sungai Siput, meninggal dunia ketika menjalani rawatan susulan di Hospital Selayang, Kuala Lumpur, pada kira-kira jam 12.50 tengah hari kelmarin.

Sebelum ini, beliau pernah menjalani pembedahan di sebuah hospital di Makkah apabila diserang penyakit itu ketika menunaikan ibadah haji.

Allahyarham yang menjadi wakil rakyat selama 13 tahun, meninggalkan dua balu, iaitu Datin Salamah Harun, 52, dan Rosilawati Ramli, 36, dan dua anak, Husni Zaim, 29, dan Yusharnis, 27.

Mengenai kemungkinan melantik Zazlan memangku jawatan Allahyarham Mohd Padil, Tajol Rosli berkata, perkara itu akan diputuskan pada mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri bulan depan.

"Sebelum itu, saya akan mendapat pandangan Presiden parti (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan Timbalannya (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi)," katanya.

Terdahulu, Sultan Perak, Sultan Azlan Shah dan Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun berangkat menziarah jenazah dan keluarga Allahyarham.

Tajol Rosli dan Samy Vellu turut hadir. Ribuan orang terutama ahli keluarga, pemimpin parti termasuk pembangkang, kenalan serta penduduk berada di rumah Allahyarham sejak jam 7 pagi.